

KONFLIK DALAM LEGENDA PUTERI SAADONG

SUDIRMAN BIN KIFFLI*

FAIRULADILAN BIN HAMADUN**

MD ARIFF BIN ARIFFIN***

DAENG HALIZA BINTI DAENG JAMAL****

HIDAYAT BIN HAMID*****

sudirman.k@umk.edu.my*, fairul.h@umk.edu.my**, ariff.a@umk.edu.my***,
haliza.j@umk.edu.my****, hidayat.h@umk.edu.my*****

Abstrak

Legenda Puteri Saadong (LPS) adalah salah sebuah kisah legenda masyarakat di negeri Kelantan. LPS mengandungi pelbagai elemen konflik yang terkandung di dalamnya. Konflik-konflik berkenaan menjadikan LPS sebagai sebuah kisah yang semakin banyak mendapat perhatian dalam kalangan sarjana. Oleh itu, perbincangan dalam penulisan ini memfokus kepada elemen konflik yang berlaku di dalam LPS dengan merujuk kepada peristiwa-peristiwa penting yang terdapat di dalam pengkisahannya. Penelitian elemen konflik dalam penulisan ini berfokus kepada pendekatan konflik yang berpandukan kepada pendekatan John W. Burton (1969). Berdasarkan pendekatan ini, terdapat tiga elemen yang boleh membantu dalam mengenalpasti konflik yang terdapat di dalam LPS iaitu, keperluan (*needs*), nilai (*values*) dan keinginan (*interests*).

Kata Kunci: keinginan, keperluan, konflik, legenda, nilai

Dihantar : 16 Disember 2019

Disemak : 5 Ogos 2020

Diterbit : 31 2020

-
- * Pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan
 - ** Pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan
 - *** Pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan
 - **** Pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan
 - ***** Pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan



CONFLICT IN THE LEGENDARY OF PUTERI SAADONG

SUDIRMAN BIN KIFFLI*

FAIRULADILAN BIN HAMADUN**

MD ARIFF BIN ARIFFIN***

DAENG HALIZA BINTI DAENG JAMAL****

HIDAYAT BIN HAMID*****

sudirman.k@umk.edu.my*, fairul.h@umk.edu.my**, ariff.a@umk.edu.my***, haliza.j@umk.edu.my****,
hidayat.h@umk.edu.my*****

Abstract

The Legend of Puteri Saadong (LPS) is one of the folklore stories of Kelantan. The LPS contains many elements of the conflict. These conflicts have made LPS an increasingly popular legend among scholars. Therefore, the discussion in this paper will focus on the elements of conflict occurring within the LPS with reference to the key events in its story. The study of the elements of conflict in this paper focuses on the approach of conflict based on John W. Burton's (1969) approach. Based on this approach, there are three elements that can help to identify the conflict within LPS namely as needs, values and interests.

Keywords: *interest, needs, conflict, legend, values*

Submitted: 16 December 2019

Revised : 5 August 2020

Published : 31 September 2020

-
- * Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan
** Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan
*** Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan
**** Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan
***** Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan



1.0 Pengenalan

Sesebuah karya sastera yang baik mutunya dihidupkan dengan kehadiran konflik di dalam pembinaan rangka ceritanya. Perkara ini mengambil kira konflik sebagai aspek yang membentuk kerencaman terhadap pelakuan watak, peristiwa dan plot cerita yang terkandung di dalam karya tersebut terutamanya karya-karya sastera bersifat naratif. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa konflik adalah sebagai antara elemen terpenting dalam penghasilan karya kesusasteraan. Aspek konflik dalam pembangunan sesebuah karya sastera bukan hanya melibatkan karya sastera moden semata-mata malahan konflik telah terwujud dalam pembentukan karya-karya sastera terdahulu daripada seantero dunia. Begitu juga kisahnya dengan penerapan konflik dalam pembentukan karya tempatan. Terbinanya konflik dalam karya sastera tempatan sama ada karya sastera tradisional mahupun moden akan menghidupkan pengkisahan dalam karya berkenaan.

Penulisan artikel ini membincangkan aspek-aspek berkaitan dengan konflik dalam karya sastera dengan memberi fokus kepada salah sebuah kisah legenda yang masih membugar dalam ingatan masyarakat di negeri Cik Siti Wan Kembang iaitu Legenda Puteri Saadong (LPS). Elemen konflik yang terkandung di dalam LPS amat unik dan masih menjadi bahan terpenting yang menghidupkan kisah legenda ini. Oleh hal yang sedemikian, penulisan artikel ini berhasrat untuk membongkar elemen-elemen konflik yang terkandung di dalam kisah ini agar dapat memperkayakan bidang ilmu berkaitan dengan konflik yang terdapat di dalam kisah-kisah dan teks-teks kesusasteraan Melayu terutamanya di negeri Kelantan. Perbincangan dalam penulisan ini berfokus kepada mengenalpasti konflik-konflik yang terkandung di dalam LPS bersandarkan kepada pendekatan konflik yang telah diketengahkan oleh John Wear Burton (1969).

1.1 Konflik

Walaupun elemen konflik dalam teks sastera telah dibincangkan oleh beberapa sarjana, namun konflik dalam LPS masih kurang diberikan penekanan. Sebelum perbincangan menjurus kepada LPS, pengertian konflik hendaklah difahami terlebih dahulu. Umumnya, konflik adalah sebahagian daripada peristiwa yang mewarnai kehidupan seharian manusia. Kewujudan konflik menjadikan runang lingkup kehidupan sesebuah masyarakat lebih kompleks dan rencam. Dalam erti kata lain, konflik telah menjadi 'asam garam kehidupan' yang semestinya dirasai dan dialami oleh setiap individu yang menlingkari sesebuah anggota masyarakat. Keadaan seperti ini bukan hanya berlaku di dalam kehidupan realiti, malahan turut mewarnai penghasilan karya sastera. Konflik boleh berlaku dalam pelbagai peringkat sama ada peringkat individu, kelompok masyarakat mahupun negara. Perkara ini telah dikemukakan oleh beberapa sarjana dalam bidang sains sosial. Antaranya adalah Weber (1991) yang menyatakan bahawa,

Conflicts can occur between many varying combinations of parties and for a great many different reasons. And they may also take various forms: from personal quarrels, through family, clan and community disagreements; disagreements between individuals and larger groups; disputes between political parties or workers and management; religious and ideological conflicts; to various forms of international disputes.

Petikan daripada pandangan sarjana tersebut jelas memperlihatkan bahawa konflik

sememangnya berlaku dalam sesebuah komuniti. Konflik yang dinyatakan melibatkan beberapa kategori iaitu:

- a) Konflik dalam diri
- b) Konflik antara individu
- c) Konflik antara anggota masyarakat

Weber juga berpandangan bahawa konflik-konflik yang berlaku ini dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya adalah disebabkan oleh perbezaan pegangan agama dan ideologi yang akhirnya boleh menyumbang kepada konflik yang lebih besar dan melibatkan perbalahan antara dua buah kerajaan atau negara. Pandangan Weber ini diperkukuhkan lagi dengan mengambil pandangan daripada Burton (1990) yang menegaskan bahawa,

Conflicts are likely to be intractable and to lead to behaviors that seriously prejudice the physical and psychological security, and the future development, of the individuals, groups, societies or nations concerned.

Burton (1990) berpendapat bahawa punca-punca yang membawa kepada berlakunya konflik adalah disebabkan oleh sikap atau tingkah laku yang bersifat prejudis sama ada secara fizikal atau psikologikal terhadap pihak lain. Sifat prejudis seperti ini telah memberikan kesan kepada kedua-dua pihak yang akhirnya membawa kepada berlakunya konflik. Hal ini kerana dalam karya sastera, konflik dianggap sebagai suatu struktur yang membina karya tersebut untuk menjadikannya sebagai sebuah karya yang utuh. Perkara ini selari dengan pandangan daripada sarjana sastera sendiri seperti Noriah (1993) yang menyatakan bahawa sering konflik dirangsangkan secara mudah melalui organisasi watak yang amat berbeza. Pembinaan konflik melalui watak-watak di dalam sesebuah naratif ini akhirnya akan mengesani khalayaknya. Oleh itu, jelaslah bahawa kehadiran konflik di dalam sesebuah karya sastera menjadikan karya tersebut lebih dinamik. Selain itu, dalam penilaian sesebuah teks sastera sama ada teks sastera tradisional mahupun teks sastera moden, elemen konflik menjadi sebagai pembentuk kepada pergolakan yang terdapat di dalamnya. Perkara ini menjadikan konflik sebagai tunjang dalam pembentukan naratif dalam karya sastera.

1.2 Legenda Puteri Saadong (LPS)

Aspek seterusnya yang dibincangkan dalam penulisan ini adalah berkaitan dengan kisah Legenda Puteri Saadong (LPS). LPS adalah sebuah kisah yang masih melingkari masyarakat di negeri Kelantan. Dokumentasi secara menyeluruh berkenaan dengan legenda ini masih lagi belum dilaksanakan. Namun, terdapat usaha daripada beberapa pihak untuk merangkumkan LPS dalam bentuk kajian. Antara LPS yang telah ditranliterasikan adalah hasil usaha daripada Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dengan menerbitkan siri Warisan Kelantan. Penulisan artikel ini merujuk kepada buku Siri Warisan Kelantan XXVII yang disunting oleh Hanapi Dollah. Terdapat enam artikel yang terkandung di dalam buku ini. Namun, hanya sebuah artikel yang menyentuh berkenaan dengan LPS iaitu Puteri Saadong: Wanita Legenda oleh Nazri (2008). Oleh itu, perbincangan nanti menjadikan penulisan beliau sebagai salah satu rujukan utama.

Berdasarkan Nazri (2008), Puteri Saadong telah berpindah ke Bukit Marak untuk tinggal bersendirian setelah beliau membunuh suaminya Raja Abdullah dengan cucuk sanggulnya sekembali daripada Siam. Sebelum itu, beliau telah dibawa oleh raja Siam untuk dijadikan gundik kerana Puteri Saadong adalah seorang wanita yang sangat cantik. Sekiranya, beliau enggan menurut kehendak raja Siam, negeri Kelantan akan diserang dan suaminya akan dibunuh. Untuk mengelak malapetaka berlaku ke atas negeri dan suaminya, maka beliau bersetuju untuk mengikut kemahuan raja Siam. Sebelum berangkat, beliau berjanji setia dengan suaminya bahawa beliau akan pastikan kesucian dan kehormatannya sebagai seorang isteri akan dijaga. Beliau tidak akan membiarkan raja Siam mengahwininya. Puteri Saadong memberi jaminan bahawa beliau akan kembali dengan selamat suatu hari dan meminta suaminya, supaya bersabar menunggu kepulangannya dengan penuh kesetiaan dan tidak akan berkahwin lagi.

Kisah LPS seperti yang dinyatakan oleh Nazri (2008) adalah sebuah ringkasan yang diperoleh daripada kisah yang tersebar dalam kalangan penduduk kampung di sekitar negeri Kelantan. Walaupun kisah ini hair dalam bentuk lisan, namun terdapat beberapa tempat yang dinyatakan di dalamnya wujud. Antaranya adalah Bukit Marak yang terletak di Jajahan Bachok. Puncak bukit tersebut dikatakan dijadikan sebagai tempat tinggal Puteri Saadong dan terdapat beberapa kesan tinggalan. Kisah LPS masih boleh dikategorikan sebagai sastera lisan kerana unsur-unsur lisan yang membentuknya. Sebagai sebuah legenda, LPS adalah sebuah kisah yang kukuh penceritaannya terutama dalam kalangan masyarakat di sekitar negeri Kelantan.

Menurut Shaiful (2005), kisah legenda itu biasanya adalah cerita yang bercampur aduk antara fakta sejarah dan unsur imaginasi yang dimiliki oleh masyarakat yang berkomunikasi tentangnya. Latar tempatnya benar-benar wujud dan latar masa pula meliputi zaman kontemporari, baru berlalu dan juga zaman lampau. Cerita-cerita ini juga dikaitkan dengan tanda-tanda alam sebagai bukti kebenaran untuk mensahihkan sesuatu kisah yang dituturkan oleh pemiliknya.

Pandangan Shaiful (2005) ini memberikan pandangan yang jelas tentang kedudukan LPS sebagai sebuah legenda yang melingkari masyarakatnya. Keadaan ini menjadikan LPS sebagai sebuah kisah yang masih menjadi bualan dalam kalangan masyarakat Kelantan sehingga ke hari ini. Latar tempat yang mewarnai kisah LPS ini digambarkan dengan agak jelas beserta dengan kehadiran latar tempat tersebut di dalam dunia nyata. Berdasarkan kepada ringkasan kisah LPS ini juga dapat dikesan beberapa elemen konflik yang menjadi fokus dalam penulisan artikel ini. Elemen-elemen konflik ini bakal dibincangkan dengan lebih teliti dalam bahagian analisis nanti.

2.0 Tinjauan Literatur

Penelitian terhadap konflik dalam karya sastera telah dilakukan oleh beberapa sarjana. Pelbagai teks sastera telah dianalisis untuk mengenalpasti bentuk-bentuk konflik yang terdapat di dalam teks yang dikaji. Antara sarjana yang telah menjalankan kajian berkenaan dengan konflik dalam teks sastera adalah Hajar et al. (2013) melalui kertas kerja yang bertajuk Memperkukuhkan Tatacara Penyelesaian Konflik Tradisional Dalam Konteks Kontemporari Kajian Teks Syair Siti Zubaidah Perang China. Kertas kerja ini membincangkan perihal konflik dan penyelesaian yang memberi fokus kepada perincian jenis-jenis konflik dan penyelesaian

dengan menggunakan kaedah Ron Fisher. Kajian ini juga memberi tumpuan kepada proses analisis konflik dan penyelesaian konflik yang terkandung di dalam teks tersebut. Namun, kajian ini berbeza dengan kajian yang bakal dilakukan yang mana memberi tumpuan terhadap konflik LPS melalui pengaplikasian pendekatan Burton (1969).

Sarjana yang turut menjalankan kajian berkenaan dengan analisis konflik dalam teks sastera adalah Membunga (2012). Beliau melakukan kajian berkaitan dengan penyelesaian konflik melalui kajiannya Konflik Resolusi dalam Hikayat Patani. Melalui kajian ini, Membunga menerangkan konflik yang terdapat di dalam Hikayat Patani dan menyarankan beberapa langkah penyelesaian konflik mengikut pendekatan Md. Yadi. Antaranya ialah dominasi, obligasi, pengelakan, muslihat dan mempertahankan diri. Pendekatan digunakan oleh Membunga yang berdasarkan pendekatan Md. Yadi juga berbeza dengan pendekatan yang bakal digunakan dalam kajian ini nanti iaitu pendekatan Burton (1969).

Seterusnya, Zinon (2002) melalui kajiannya yang bertajuk Unsur-Unsur Konflik dalam Hikayat Raja Pasai dan Hikayat Merong Mahawangsa pula lebih berfokus kepada unsur-unsur konflik yang terdapat di dalam kedua-dua karya tersebut. Kajian beliau melihat bagaimana konflik yang terdapat di dalam kedua-dua teks berkenaan berhubungan dengan watak dan plot yang membina teks tersebut. Beliau juga merungkai peranan konflik tersebut dalam menghidupkan watak-watak dan isi keseluruhan cerita di dalam kedua-dua teks yang dikaji. Kajian ini tidak menyentuh berkenaan dengan teks SSZPC yang menjadikannya berbeza dengan kajian dalam penulisan artikel ini.

Littrup (1993) pula melalui kertas kerjanya yang bertajuk *Conflict in Malay Short Stories: Islam as Literary Frame* juga membincangkan aspek berkaitan konflik. Littrup meneliti konflik-konflik yang berlaku di dalam beberapa buah cerpen Melayu yang bersandarkan kepada pandangan Islam. Konflik-konflik yang berlaku di dalam cerpen-cerpen kajiannya dianalisis dan dinilai berdasarkan pemahaman Islam. Penerapan karya sastera moden dalam kajian Littrup tersebut jelas berbeza dengan kajian ini nanti kerana menggunakan bahan sastera tradisional.

Selain sarjana-sarjana berkenaan, terdapat juga beberapa sarjana lain yang telah menjalankan penganalisan terhadap konflik dalam teks sastera. Antaranya adalah Luthfi (2019) melalui artikelnya yang bertajuk Penyelesaian Konflik dalam Cerita-Cerita Jakun dan Che Wong: Antara Kelembutan dengan Kekerasan, Zaini (2019) dengan kajian bertajuk Penyelesaian Konflik dalam Kesusasteraan di Alam Melayu Nusantara dan Salleh (2019) melalui kajiannya Asal Keturunan Raja Barus: Penyelesaian Konflik Masyarakat Awal Melayu Barus.

3.0 Penyataan Masalah


Kajian berkaitan dengan konflik adalah antara kajian yang sering mendapat perhatian daripada para sarjana. Namun, keadaan tersebut tidak menghalang kajian ini untuk terus dilakukan kerana masih banyak ruang dalam aspek ini yang boleh dikaji terutamanya melibatkan LPS. Oleh kerana aspek konflik dalam teks LPS belum diberikan penelitian secara khusus terutamanya dengan menerapkan pendekatan Burton (1969), keadaan tersebut menuntut perbincangan untuk dilakukan bagi memperlihatkan bagaimana konflik berlaku dalam teks tersebut. Hasil perbincangan dalam penulisan ini nanti akan membawa kepada penemuan faktor-faktor yang mendorong kepada berlakunya konflik.

4.0 Metodologi

Dalam artikel ini, kaedah kualitatif melalui analisis kandungan telah diaplikasikan untuk mengumpul data kajian. Antara sumber yang diteliti bagi menyokong data artikel ini adalah seperti buku, artikel dalam jurnal, keratan akhbar dan majalah. Selain daripada sumber bercetak, kaedah carian di laman sesawang juga dilakukan untuk mempelbagaikan sumber rujukan dalam penghasilan penulisan ini.

Kisah LPS pula dianalisis dengan menggunakan pendekatan yang diketengahkan oleh tokoh dalam bidang sains sosial iaitu Burton (1969). Pendekatan beliau menjelaskan bahawa konflik berlaku apabila keperluan asas manusia tidak dipenuhi. Beliau bertitik tolak daripada teori keperluan asas manusia (*Human Needs Theory*). Berasaskan teori ini, beliau telah mengemukakan punca-punca yang membawa kepada berlakunya konflik. Oleh itu, pendekatan yang telah beliau kemukakan dijadikan panduan dalam menganalisis kisah LPS untuk mengenal pasti jenis-jenis konflik yang terkandung di dalam kisah tersebut. Secara asasnya konsep keperluan manusia menurut Burton (1969) berpegang kepada tiga terma yang utama iaitu keperluan (*needs*), nilai (*values*) dan kecenderungan atau keinginan (*interests*).

5.0 Analisis dan Perbincangan



Rajah 1: Elemen-Elemen Konflik Burton (1969) (Burton, 1990)

5.1 Elemen Keperluan (*needs*)

Keperluan (*needs*) merujuk kepada perkara atau sesuatu yang menjadi asas kepada manusia untuk meneruskan kehidupan. Manusia mempunyai pelbagai keperluan asas seperti makanan, minuman, dan pakaian. Keperluan asas seperti ini bersifat universal. Hal ini kerana keperluan asas tersebut menjadi keperluan keseluruhan umat manusia. Keperluan juga adalah sebahagian daripada kehidupan manusia. Hali ini menjadikan setiap manusia mempunyai keperluan masing-masing. Manusia turut mempunyai keperluan yang perlu dipenuhi supaya memberikan kepuasan kepada individu berkenaan. Apabila setiap manusia mempunyai keperluan yang sama, maka berlaku persaingan untuk memenuhi keperluan tersebut. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa keperluan adalah salah satu elemen yang membawa kepada tercetusnya konflik (Burton, 1990).

Melalui elemen keperluan, konflik dikesan berlaku antara Puteri Saadong dengan Raja Abdullah. Konflik antara kedua-dua watak ini berlaku akibat keperluan (*needs*) Puteri

Saadong yang tidak dipenuhi. Raja Abdullah telah berjanji untuk menunggu Puteri Saadong setelah Puteri Saadong dibawa pergi bersama Raja Siam. Raja Abdullah telah berjanji untuk menunggu kepulangan Puteri Saadong. Namun, Raja Abdullah telah memungkiri janjinya. Perkara ini selari dengan apa yang digambarkan oleh Nazri (2008) seperti berikut;

Setelah sampai di istana, Puteri Saadong dapati suaminya sudahpun beristeri baru. Pertemuan itu mencetuskan perbalahan antara beliau dengan suaminya. Puteri Saadong merasakan suaminya, Raja Abdullah telah memungkiri janji mereka sebelum beliau berangkat ke Siam. Suaminya dianggap tidak setia pada janji yang dibuat. Sepeninggalan Puteri saadong, Raja Abdullah berkahwin lain setelah tahun demi tahun menunggu sehingga beranggapan Puteri saadong tidak mungkin akan pulang.

Berdasarkan petikan diatas, jelas menunjukkan bahawa berlaku konflik antara Puteri Saadong dengan suaminya Raja Abdullah. Konflik dikesan apabila terdapat diksi 'perbalahan' digunakan. Perbalahan merujuk kepada pergaduhan dan perkelahian yang membuktikan bahawa konflik sememangnya berlaku antara kedua-dua watak ini. Faktor yang mencetuskan berlakunya konflik antara mereka adalah apabila keperluan (*needs*) Puteri Saadong iaitu janji yang telah diikat bersama suaminya telah dimungkiri.

Peristiwa Raja Abdullah yang memungkiri janjinya ini memperlihatkan bahawa watak ini tidak dapat memenuhi keperluan yang diinginkan oleh Puteri Saadong. Akibat daripada keperluannya yang tidak dipenuhi, berlaku perbalahan antara Puteri Saadong dengan Raja Abdullah yang akhirnya membawa kepada pertikaman. Puteri Saadong telah menikam Raja Abdullah dengan menggunakan cucuk sanggulnya. Sudirman et al. (2018) yang menyatakan bahawa kesan daripada perbalahan tersebut menyebabkan Raja Abdullah telah ditikam oleh Puteri Saadong dengan cucuk sanggulnya. Peristiwa ini memperlihatkan bahawa cucuk sanggul telah digunakan oleh Puteri Saadong untuk menikam Raja Abdullah sehingga mangkat. Oleh itu, jelaslah bahawa konflik antara Puteri Saadong dengan Raja Abdullah memenuhi elemen keperluan (*needs*) yang telah dikemukakan oleh Burton (1969).

5.2 Elemen Nilai (*values*)

Nilai (*values*) pula merujuk kepada idea, tingkahlaku, adat dan kepercayaan yang merupakan ciri khas sosial masyarakat tertentu. Nilai-nilai tersebut dilihat dari aspek bahasa, agama, kelas dan etnik yang saling berbeza dalam setiap kumpulan masyarakat (Burton, 1990). Tambahan pula Burton (1972) turut menyatakan,

'Values' has been used to describe the long-term aspirations of states, such as peace and prosperity; the national interests of states as perceived by authorities; immediate policy objectives; the strategies by which goals are sought; and ethnic, religious and ideological norms that are associated with different cultures and traditions.

Bagi Burton (1969), nilai (*values*) telah digunakan sejak sekian lama untuk menyampaikan cita-cita jangka panjang sesebuah negara terutamanya berkaitan dengan keamanan negara. Untuk memastikan cita-cita itu tercapai, pelbagai unsur nilai diberi perhatian. Antaranya adalah berkaitan dengan nilai etnik, keagamaan, dan

norma pemikiran masyarakat yang lazimnya dihubungkan dengan perbezaan budaya dan tradisi. Hal ini kerana setiap kumpulan masyarakat mempunyai sistem nilai tersendiri yang dibentuk sejak zaman nenek moyang mereka. Keadaan ini menjadikan nilai (*values*) sebagai sesuatu yang bersifat kolektif yang dipegang dan diamalkan oleh sesebuah anggota masyarakat. Nilai masyarakat Melayu misalnya amat menekankan tentang pentingnya ikatan atau hubungan sosial (Kadir, 2002). Perbezaan nilai (*values*) juga mempunyai pengaruhnya terhadap konflik.

Antara peristiwa dalam kisah LPS yang memperlihatkan elemen nilai (*values*) ialah peristiwa penangkapan Puteri Saadong oleh Raja Siam. Perbezaan nilai amat ketara dipegang oleh kedua-dua watak ini apabila Raja Siam menjadikan Puteri Saadong sebagai gundiknya. Nilai yang dipegang oleh Raja Siam merujuk kepada nilai budaya yang membolehkannya menjadikan wanita yang disukai sebagai isteri. Namun, bagi Puteri Saadong nilai yang menjadi pegangannya adalah berlainan. Watak Puteri Saadong sendiri adalah 'isteri orang'. Dengan gelaran 'isteri orang' yang dimilikinya, dia hanya menjadi milik kepada suaminya iaitu Raja Abdullah. Namun, akibat kekerasan dan ugutan daripada Raja Siam, Puteri Saadong terpaksa akur dengan kehendak Raja Siam. Raja Siam telah membuat ugutan akan menyerang negeri Kelantan dan membunuh suaminya. Konflik nilai (*values*) ini dapat dikesan melalui petikan dalam Nazri (2008) berikut;

Beliau telah dibawa oleh Raja Siam untuk dijadikan gundik kerana Puteri Saadong adalah seorang wanita yang sangat cantik. Sekiranya beliau enggan menurut kehendak raja Siam, negeri Kelantan akan diserang dan suaminya akan dibunuh.

Walaupun Puteri Saadong dilihat sebagai mengikut kehendak Raja Siam, tetapi beliau telah membuat janji kepada diri dan suaminya bahawa kehormatan dirinya sebagai wanita dan seorang isteri akan terjaga. Kehendak Raja Siam untuk menjadikan Puteri Saadong sebagai gundik telah tercapai namun, Raja Siam tidak dapat menyentuh Puteri Saadong. Konflik nilai terpapar dengan jelas lagi apabila membawa kepada akibat yang tidak baik kepada Raja Siam. Hal ini berlaku apabila Raja Siam cuba untuk menyentuh Puteri Saadong. Akibatnya, Raja Siam telah mengalami penyakit kulit yang hanya dapat dirawat oleh Puteri Saadong dengan menggunakan air rendaman kakinya. Dengan itu jelaslah bahawa elemen nilai yang menjadi pegangan anantara Puteri Saadong dengan Raja Siam telah menjadi faktor yang menyumbang kepada berlakunya konflik antara kedua-dua watak ini.


5.3 Keinginan (*interest*)

Elemen ketiga pula iaitu keinginan (*interest*). Elemen keinginan (*interest*) adalah satu terma yang menggabungkan kedua-dua elemen sebelum ini iaitu keperluan (*needs*) dan nilai (*values*) (Burton, 1969). Tambah Burton (1990), keinginan (*interest*) juga dapat digambarkan seperti berikut;

The absence of incentives, some of which can be defined as interests, and of a sense of role, some of which can be defined as interests, and of sense of role, can finally threaten identity and undermine the social cohesion and sense of sharing that are so necessary for initiative.

Berdasarkan pandangan tersebut, dapat dirumuskan bahawa keinginan (*interests*) adalah sesuatu minat terhadap sesuatu perkara. Sekiranya terdapat dua atau lebih pihak mempunyai keinginan yang sama terhadap sesuatu perkara, akan berlaku persaingan di antara mereka untuk mendapatkannya. Tambahan pula keinginan (*interest*) turut merujuk kepada aspirasi pekerjaan, sosial, politik dan ekonomi individu, serta kumpulan identiti individu dalam sistem sosial (Burton, 1990). Pandangan tersebut memperlihatkan bahawa keinginan (*interests*) seseorang individu atau sekelompok masyarakat adalah menjurus kepada aspek untuk mendapatkan pekerjaan, sosial, politik dan ekonomi. Aspek-aspek seperti ini telah mendorong membentuk keinginan (*interests*) dalam diri seseorang individu atau kelompok masyarakat. Apabila terdapat beberapa individu atau beberapa kelompok masyarakat mempunyai keinginan (*interests*) yang sama, maka berlakulah persaingan di antara mereka untuk memenuhi keinginan masing-masing yang akhirnya membawa kepada berlakunya konflik.

Peristiwa yang memperlihatkan elemen keinginan (*interests*) ini adalah konflik antara Raja Siam dengan Puteri Saadong. Konflik antara kedua-dua watak ini berpunca daripada tindakan Raja Siam yang ingin menyerang negeri Kelantan. Tindakan Raja Siam tersebut telah mencetuskan konflik. Keinginannya untuk memiliki Puteri Saadong menyebabkan Tuan Puteri terpaksa beralah dan mengikuti Raja Siam ke Thailand. Apabila berada di Siam, Raja Siam telah mencuba untuk mendekati Puteri Saadong kerana keinginannya untuk memiliki Puteri Saadong akibat terpesona dengan kecantikan yang dimiliki oleh puteri tersebut. Sebagai akibat daripada tindakannya, Raja Siam telah menghadapi sejenis penyakit yang pelik yang hanya dapat diubati oleh Puteri Saadong. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa konflik juga berpunca daripada elemen keinginan yang dapat dikesan dalam LPS. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga elemen konflik yang telah dibincangkan dapat dirumuskan melalui Rajah 2 berikut:



Rajah 2: Elemen Konflik dalam Legenda Puteri Saadong

6.0 Kesimpulan

Hasil perbincangan dalam penulisan ini, dapat dirumuskan bahawa konflik adalah salah satu elemen terpenting yang menjadikan sesebuah karya sastera itu sebagai 'hidup'. Plot penceritaan akan menjadi lebih kompleks dengan hadirnya konflik di dalam karya sastera. Merujuk kepada kisah LPS, konflik berlaku antara watak-watak yang terdapat di dalam kisah

tersebut yang membawa kepada terbentuknya sebuah kisah yang lengkap. Konflik-konflik berkenaan berlaku kesan daripada beberapa punca yang telah dikategorikan kepada tiga elemen utama iaitu keperluan (*needs*), nilai (*values*) dan keinginan (*interest*). Ketiga-tiga elemen ini yang telah dikemukakan oleh Burton (1969) telah membuktikan bahawa konflik boleh berlaku sekiranya ketiga-tiga elemen berkenaan tidak diberikan perhatian dalam perjalanan kehidupan seharian. Penelitian terhadap elemen konflik di dalam kisah LPS ini boleh dilanjutkan lagi dengan meneliti kaedah-kaedah penyelesaian yang boleh digunakan dalam mengatasi konflik berkenaan.

Rujukan

- Ahmad, M. N. (2008). Puteri Saadong: Sebuah Legenda Wanita. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Bakar, M. Z. (2019). Penyelesaian Konflik dalam Kesusasteraan di Alam Melayu Nusantara: Penyelesaian Konflik dalam Kesusasteraan Melayu. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Burton, J. W. (1969). Conflict and Communication. London: The MacMillan Press Ltd.
- Burton, J. W. (1972). World Society. London: Cambridge University Press.
- Burton, J. W. (1990). Conflict: Human Needs Theory. London: The MacMillan Press Ltd.
- Burton, J. W. (1990). Conflict: Resolution and Provention. London: The MacMillan Press Ltd.
- Hajar, S. & Ahmad, A. (1996). Bunga Rampai Sastera Melayu Warisan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hajar, S. (2013). Memperkukuhkan Tatacara Penyelesaian Konflik Tradisional Dalam Konteks Kontemporari Kajian Teks Syair Siti Zubaidah Perang China. Persidangan Serantau Kearifan Tempatan. Kuala Terengganu.
- Kadir, W. A. (2002). Pembangunan Sosial dan Perubahan Budaya di Kalangan Orang Melayu. Jurnal Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Littrup, L. (1993). Conflict in Malay Short Stories: Islam as Literary Frame. Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu III . Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Membunga, S. M. Y., Hamid, R. A., Othman, O., Salbani, A. S. (2012). Konflik Resolusi dalam Hikayat Patani: Rekayasa Kearifan Tempatan dalam Sastera Melayu. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Rahman, M. L. (2019). Penyelesaian Konflik dalam Cerita-Cerita Lisan Jakun dan Che Wong: Antara Kelembutan dengan Kekerasan dalam Penyelesaian Konflik dalam Kesusasteraan Melayu : Penerbit . Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Salleh, M. H. (2006). Romance and Laughter in the Archipelago: Essays on Classical and Contemporary Poetics of the Malay World. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Salleh, M. H. (2019). Asal Keturunan Raja Barus”: Penyelesaian Konflik masyarakat Awal Melayu Barus: Penyelesaian Konflik dalam Kesusasteraan Melayu. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Shaiful. (2005). Tradisi Lisan: Prosa Dalam Persuratan Melayu: Tradisional ke Moden. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sudirman. (2018). Puteri Saadong: Cucuk Sanggul Sebagai Aksesori Perhiasan dan Senjata Rahsia. Prosiding Seminar Serantau Persenjataan dan Pertahanan dalam Sastera dan Sains Warisan. Pulau Pinang: Red House Business Solution.
- Taslim, N. (1993). Teori dan Kritikan Sastera Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Weber, T. (1991). Conflict Resolution and Gandhian Ethics. New Delhi: The Gandhian Peace Foundation.
- Zinon. (2002). Unsur-Unsur Konflik dalam Hikayat Raja Pasai dan Hikayat Merong Mahawangsa. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

